

**PUSAT SUMBER
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000011149

**KAJIAN PENGGUNA TERHADAP PERKHIDMATAN TEKSI DI KAMPUS :
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

NORAZAM BIN SULAIMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Pengangkutan merupakan elemen yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Secara amnya, pengangkutan bermaksud kenderaan yang membawa seseorang atau sesuatu dari satu tempat ke tempat yang lain, biasanya pada jarak yang jauh berbanding jika berjalan kaki. Salah satu jenis pengangkutan awam ialah teksi. Terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan perkhidmatan teksi di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu persaingan daripada pengangkutan alternatif yang lain seperti kereta sewa dan perkhidmatan bas kampus. Selain itu, isu berkaitan penggunaan meter kadar tambang sering diperkatakan dan berlakunya peningkatan penggunaan kenderaan persendirian yang sekaligus akan menjejaskan perkhidmatan teksi ini. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengetahui keadaan semasa perkhidmatan teksi di UTM. Selain itu, pola pergerakan pelajar ke lokasi-lokasi utama iaitu Jaya Jusco dan U-Mall/ Giant di Taman Universiti, Skudai Parade dan Taman Sri Putri di Skudai akan dikaji. Kajian juga dilakukan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pendapat pengguna terhadap perkhidmatan teksi di UTM. Oleh itu, kaedah ujian Z (*Z Test*) telah digunakan untuk mengetahui keadaan semasa perkhidmatan teksi di kawasan kajian. Untuk mengetahui pola pergerakan pelajar pula, kaedah Statistik Deskriptif (*Descriptive Statistic*) telah digunakan di dalam kajian ini. Manakala teknik analisis hubungkait (*Correlation Analysis*) digunakan untuk mengetahui faktor-faktor utama yang mempengaruhi pendapat pengguna terhadap perkhidmatan teksi di UTM. Hasil penemuan yang diperolehi adalah mendapati bahawa majoriti pelajar yang menggunakan perkhidmatan teksi di UTM sebenarnya tidak mempunyai kenderaan persendirian dan kebanyakan mereka juga tidak menggunakan teksi sebagai pengangkutan utama. Bagi pola pergerakan pula, didapati bahawa pergerakan pelajar pada hari minggu dan hari bekerja lebih tertumpu kepada Jaya Jusco, Taman Universiti dengan tujuan untuk membeli-belah. Selain itu, terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi perkhidmatan teksi di UTM. Pertama adalah dari aspek kadar tambang, kedua adalah dari aspek kebersihan teksi dan ketiga adalah dari aspek penggunaan meter oleh para pemandu teksi. Hasil daripada keseluruhan kajian ini dengan mengambilkira semua aspek iaitu penggunaan meter, kebersihan teksi, keselamatan, perilaku pemandu teksi, kadar tambang, keadaan terminal menunggu teksi, kemudahan talian telefon, info perkhidmatan teksi, kemudahan tempahan, dan lokasi perletakan terminal teksi didapati bahawa perkhidmatan teksi di UTM berada pada tahap sederhana. Diharap kajian ini akan menjadi rujukan kepada pihak yang terlibat untuk melakukan pembaikan sekaligus dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan teksi di UTM pada masa akan datang.

ABSTRACT

Transportation is an imperative element in developing a country. In general, transportation is denoted as vehicles which transfer people or things from a destination to another destination, often involving long distance in comparison to using manual walking. One of the modes of transportation is taxi. There are several issues regarding to the taxi service provided in Universiti Teknologi Malaysia (UTM) namely the severe competition from current alternative mode of transportation such as rental car and regular campus bus service. Besides that, issues relating to the operation of meter fares are commonly being discussed and the increasing manipulation of private vehicles incidences instantly distress the taxi service. The research being studied so as to understand the current condition of the taxi service provided in UTM. In addition to that, movement pattern of the students to central locations for instance Jaya Jusco and U-Mall/ Giant located at Taman Universiti, Skudai Parade and Taman Sri Putri positioned at Skudai will also be explored. The research also focused on distinguishing the factors influencing consumers' concept towards taxi service provided in UTM. Thus, *Z Test* was employed to understand the current condition of the taxi service provided at the research region. In order to identify the movement patterns of the students, *Descriptive Statistic* was applied in the research. Whereas *Correlation Analysis* was utilized to recognize the major factors influencing consumers' concept towards taxi service provided in UTM. The research findings revealed that in actuality majority of the students recruiting the taxi service provided in UTM do not own private vehicles and most of them do not use taxi as their chief mode of transportation. For the movement patterns, it is found that the movement of students were more focused on Jaya Jusco, Taman Universiti with the intention of shopping. Besides that, there are three leading factors influencing the taxi service provided in UTM. Firstly, from the aspect of meter fares, followed by the cleanliness of the taxi and lastly the use of the meter by the taxi driver. The overall research findings taking in to consideration of all the aspects namely the use of meter, the cleanliness of the taxi, safety, the behaviour of the taxi driver, taxi fares, the condition of the waiting terminal, phone line convenience, taxi service information, booking facilities and the location of the taxi terminal revealed that the taxi service provided is only in an average level. Hopefully this research can be a future reference for those concerning individuals for further amendments and at the same time could increase the level of taxi service provided in UTM in the near future.